



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' MOHD SALLEHUDDIN BIN HASSAN TIMBALAN
KETUA SETIAUSAHA KANAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

BERSEMPENA

**PERHIMPUNAN BULANAN BERSAMA TKSUK JPM
BULAN FEBRUARI 2020**

**TARIKH : 19 FEBRUARI 2020 (RABU)
MASA : 8.30 PAGI
TEMPAT : AUDITORIUM PERDANA, SETIA PERDANA 1**

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berusaha Encik Mohammad bin Ismail,

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan dan Kewangan) JPM,

Yang Berusaha Puan Roziah binti Abudin,

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) JPM,

Yang Berbahagia Dato' Sollehuddin Alyubi bin Zakaria,

Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan

selaku penganjur perhimpunan pada hari ini,

dan

Yang Berusaha Encik Azhar bin Othman

Pegawai Perancang Bandar dan Desa

Perbadanan Putrajaya

selaku penceramah jemputan pada hari ini.

Yang Berbahagia Ketua-Ketua Pengarah, Setiausaha-Setiausaha Bahagian serta saudara dan saudari sekalian.

PENDAHULUAN

1. Syukur alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya rafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan inayah-Nya jua, saya dapat berjumpa buat pertama kalinya dan berkumpul di dalam Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi bulan Februari 2020. Sepertimana yang semua sedia maklum, saya telah diberikan amanah untuk menjawat jawatan Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, JPM bermula 1 Februari 2020. Tugas saya

disini akan menjadi mudah dengan adanya pasukan yang kuat dari semua untuk membawa JPM ke arah yang lebih baik lagi. Insyaallah.

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada YBhg. Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad di atas perkhidmatan beliau sebagai TKSUK JPM sebelum ini dan saya berharap agar kecemerlangan JPM di bawah pimpinan beliau dan InsyaAllah saya akan teruskan dengan kerjasama dan sumbangan bakti tuan-tuan dan puan-puan sepanjang perkhidmatan saya di sini dengan baik.
3. Sebagaimana sesi hebahan maklumat sebentar tadi, terdapat beberapa orang warga kerja telah bertukar keluar dari Jabatan/ Agensi Jabatan Perdana Menteri sepanjang bulan Januari 2020. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas segala sumbangan khidmat bakti yang telah dicurahkan selama bersama-sama berkhidmat di Jabatan Perdana Menteri. Saya mendoakan agar tuan-tuan dan puan-puan terus berjaya dalam melaksanakan tanggungjawab baharu kelak.
4. Kepada pegawai yang baharu melapor diri di Jabatan Perdana Menteri, saya amat mengalu-alukan kedatangan semua dan saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan dapat menyesuaikan diri, terus mencurahkan khidmat bakti dan menyumbang idea yang bernas bagi membantu Jabatan Perdana Menteri dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik, berkualiti dan berintegriti.
5. Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Bahagian dan warga JPM yang telah mendapat beberapa pengiktirafan dan anugerah. Antaranya:
 - a. Penarafan Keberkesanan Pelaksanaan Audit Dalam Di Kementerian/ Jabatan Persekutuan: Bahagian Audit Dalam, JPM dianugerahkan 5 bintang;

- b. Anugerah Penjawat Cemerlang Bulanan;
 - c. Anugerah Peminjam Bahan Bacaan Paling Aktif, Perpustakaan JPM;
 - d. Anugerah *Most Active Department Lending Books @* Perpustakaan JPM; dan
 - e. Anugerah Pertandingan Penjenamaan Semula Kompleks B, JPM
6. Semoga kecemerlangan ini dapat diteruskan dan juga menjadi contoh kepada Bahagian dan warga Jabatan Perdana Menteri yang lain untuk terus berkhidmat dengan cemerlang. Maka dengan itu, sebagai warga Jabatan Perdana Menteri marilah kita terus menggembeng tenaga dan menyumbang idea, untuk menjadikan Jabatan Perdana Menteri lebih cemerlang.

Hadirin dan hadirat sekalian,

SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2020

7. Tanggal 1 Februari setiap tahun kita akan menyambut Hari Wilayah Persekutuan. Bagi peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya, pelbagai aktiviti dan program sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020 dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama pelbagai agensi. Antara aktiviti dan program yang dianjurkan adalah seperti berikut:
- (i) 31 Januari 2020 : Khutbah Khas Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020;
 - (ii) 1 Februari 2020 : Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan;
 - (iii) 1-2 Februari 2020 : Putrajaya *Base Jump* 2020;
 - (iv) 3 Februari 2020 : Prima Dakwah Wilayahku;

- (v) 6 Februari 2020 : *School Outreach Programme By PLANMalaysia;*
- (vi) 8-9 Februari 2020 : *Putrajaya Wall Climbing Challenge;*
- (vii) 15 Februari 2020 : *Pertandingan Memancing Putrajaya;*
- (viii) 20 Februari 2020 : *PLANMalaysia Bersama Komuniti;*
- (ix) 20 Februari 2020 : *Majlis Perasmian KIOSK@11;*
- (x) 21 Februari 2020 : *Program Ilmiah Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) Peringkat WP Putrajaya;*
- (xi) 22 Februari 2020 : *Budi Wilayahku Half Marathon;*
- (xii) 22-23 Februari 2020 : *Putrajaya Wind Orchestre Competition;*
- (xiii) 23 Februari 2020 : *Kenduri Rakyat WP Putrajaya; dan*
- (xiv) 23 Februari 2020 : *Karnival Sukan Wilayahku.*

8. Saya menyeru kepada semua yang berkelapangan untuk hadir bersama-sama keluarga bagi memeriahkan program-program yang dianjurkan ini.

INISIATIF KERAJAAN DALAM MEMBANGUNKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

9. Pelbagai aktiviti dan inisiatif telah dilaksanakan secara berterusan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan melibatkan penyertaan pelbagai kategori kumpulan sasaran khususnya rakyat dari kumpulan B40. Inisiatif-inisiatif ini diperkenalkan dengan prinsip untuk menjaga kebajikan rakyat meringankan kos sara hidup dan menaikkan taraf hidup rakyat di Wilayah Persekutuan.

10. Antara inisiatif yang dilihat memberikan impak secara terus kepada rakyat adalah perkhidmatan bas percuma Go-KL, pemilikan rumah kepada golongan asnaf serta kemudahan penginapan dengan kadar sewaan yang rendah bagi golongan B40

berstatus bujang yang baru berhijrah mencari rezeki di ibu kota Kuala Lumpur. Saya berharap inisiatif dan program yang dilaksanakan oleh kerajaan ini diwar-warkan supaya ia dapat dinikmati oleh rakyat.

Hadirin dan hadirat sekalian,

PEMBANGUNAN SEMULA KAMPUNG BARU

11. Selain Menara Berkembar Petronas, penempatan Kampung Baru adalah juga merupakan ikon ibu kota Kuala Lumpur. Kerajaan ketika ini sedang berusaha untuk membangunkan semula Kampung Baru menerusi pelan pembangunan yang telah dirangka dengan teliti. Kampung Baru adalah merupakan simbol penempatan orang melayu di ibu kota Kuala Lumpur. Justeru, ianya perlulah dibangun serta dimajukan seiring dengan pembangunan pesat ibu kota Kuala Lumpur.

LARANGAN PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT ATAU LAIN-LAIN PERALATAN KOMUNIKASI DALAM MESYUARAT KERAJAAN

12. Penggunaan telefon bimbit atau lain-lain peralatan komunikasi telah berkembang dan menjadi satu keperluan semasa sebagai satu medium perhubungan yang pantas dan berkesan di Agensi Kerajaan.
13. Namun begitu, penggunaan telefon bimbit dan peralatan komunikasi ini juga sekiranya tanpa kawalan dalam Agensi Kerajaan boleh mendatangkan implikasi buruk serta membahayakan keselamatan di samping boleh melanggar peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 sekiranya berlaku kebocoran atau kecurian maklumat. Sekarang ini banyak berlaku kebocoran maklumat tanpa kita sedari. Aktiviti *viral* umpamanya agak sukar untuk kita bendung.

14. Sehubungan dengan itu, Jabatan perlu berhati-hati dalam membuat komunikasi rahsia rasmi melalui telefon bimbit atau peralatan komunikasi lain dengan mengawal dan mematuhi langkah-langkah keselamatan supaya penyampaian Rahsia Rasmi Kerajaan tidak terdedah kepada risiko kebocoran.
15. Berdasarkan kepada situasi masa kini, *trend* penyebaran atau kebocoran maklumat Kerajaan melalui telefon bimbit semakin membimbangkan. Bagi tujuan kawalan, Ketua Jabatan hendaklah menentukan zon larangan penggunaan telefon bimbit atau peralatan komunikasi lain yang mampu merakam maklumat.
16. Di samping itu, Ketua jabatan juga hendaklah menetapkan kaedah penggunaannya bagi memastikan maklumat rahsia rasmi Kerajaan diberi perlindungan secukupnya. Keperluan penetapan zon atau tempat larangan ini perlu mengambil kira risiko-risiko kebocoran maklumat yang boleh dan mungkin berlaku dalam mesyuarat penting Kerajaan melibatkan keputusan dasar di peringkat Persekutuan atau Negeri. Sebagai contoh:
 - (i) Mesyuarat Jemaah Menteri;
 - (ii) Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri;
 - (iii) Mesyuarat Pasca Kabinet;
 - (iv) Mesyuarat Lembaga Perolehan;
 - (v) Mesyuarat Belanjawan Negara; dan
 - (vi) Lain-lain mesyuarat yang difikirkan perlu.
17. Kegagalan mematuhi larangan yang dikuatkuasakan boleh mengakibatkan rahsia rasmi Kerajaan terdedah kepada ancaman kebocoran maklumat sehingga boleh menjejaskan imej pentadbiran Kerajaan dan amat dikhuatiri akan mengancam keselamatan negara.

PERINGATAN BERHUBUNG KEPENTINGAN MELINDUNGI MAKLUMAT KERAJAAN SERTA TINDAKAN TEGAS SEKIRANYA BERLAKU

18. Pada 2 Januari 2020 yang lalu, Pejabat CGSO melalui YBhg. Datuk Seri Ketua Setiausaha Negara telah mengeluarkan satu surat peringatan berhubung kepentingan melindungi maklumat kerajaan serta tindakan tegas sekiranya berlaku kebocoran.
19. Sebagaimana YBhg. Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sedia maklum, semua dokumen serta maklumat rahsia rasmi atau terperingkat Kerajaan adalah diberi perlindungan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. Dalam hal ini, tatacara pengurusan dan langkah-langkah kawalan keselamatan adalah berdasarkan kepada peraturan yang ditetapkan di dalam Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) serta surat-surat pekeliling berkaitan yang sedang berkuatkuasa.
20. Sejak kebelakangan ini, terdapat beberapa insiden kebocoran maklumat rahsia rasmi atau terperingkat Kerajaan khususnya melalui aplikasi media sosial seperti *facebook, twitter, whatsapp* dan sebagainya. Insiden ini berlaku kebanyakannya berpunca daripada kurang kesedaran keselamatan dan jati diri penjawat awam bagi menjaga kerahsiaan sesuatu maklumat yang berada dalam kawalannya tanpa menyedari implikasi buruk terhadap Kerajaan dan Negara sekiranya maklumat-maklumat tersebut bocor.
21. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memperingatkan semua pegawai dan kakitangan di bawah seliaan masing-masing supaya sentiasa melindungi dan memelihara kerahsiaan maklumat Kerajaan. Kerajaan memandang serius perkara ini dan tindakan tegas hendaklah diambil terhadap mana-mana penjawat awam yang terlibat membocorkan maklumat rahsia rasmi Kerajaan melalui peruntukan undang-undang sedia ada atau tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 sehingga hukuman boleh dibuang kerja.

22. Sehubungan itu, penjawat awam yang secara langsung mengurus dokumen dan maklumat penting Kerajaan hendaklah diberi kesedaran melalui bengkel, taklimat atau sesi *hands-on* dengan kerjasama Pejabat CGSO. Sekiranya berlaku sebarang insiden kebocoran maklumat Kerajaan, Ketua Jabatan dikehendaki mengemukakan laporan awal insiden tersebut kepada Ibu Pejabat CGSO. Penekanan yang tinggi perlu dititikberatkan dan menganggap segala maklumat rasmi adalah maklumat yang penting yang tidak perlu dibocorkan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

INDEKS PERSEPSI RASUAH (CPI)

23. Kedudukan Malaysia telah meningkat dengan ketara dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) *Transparency International* (TI) pada 2019, dengan berada pada kedudukan 51 tahun lalu, berbanding kedudukan 61 pada 2018.
24. Skor Malaysia meningkat daripada 47 mata pada tahun 2018 kepada 53 mata pada tahun 2019. Perkembangan positif ini didorong oleh tindakan agresif kerajaan dalam membongkarkan skandal-skandal dan penyalahgunaan kuasa sekaligus berjaya mengembalikan keyakinan masyarakat dan pelabur. Usul supaya anggota pentadbiran kerajaan mengisytiharkan aset masing-masing termasuk pemimpin politik dan Ahli Parlimen turut membantu memperbaiki reputasi negara di dalam CPI.
25. Saya percaya bahawa kita semua selaku warga JPM turut menyumbang terhadap pencapaian yang membanggakan ini. Justeru itu, saya ingin menyeru kepada semua warga JPM untuk terus melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan penuh berintegriti agar persepsi dan keyakinan masyarakat serta pelabur terhadap Perkhidmatan Awam dapat ditingkatkan sekaligus melonjakkan kedudukan negara di dalam CPI 2020 kelak.

KES JANGKITAN NOVEL CORONAVIRUS (2019-nCoV)

26. Dunia dikejutkan pada awal tahun ini dengan penularan jangkitan Novel Coronavirus (2019-nCoV) atau Convid 19 yang bermula dari wilayah Wuhan, China pada pertengahan Januari 2020 dan Rekod sehingga **18 Februari 2020**, bilangan kes jangkitan telah meningkat **73,325** kes termasuk **22** kes di Malaysia dan tidak kurang **1,873** kes kematian telah dilaporkan. Saya mengucapkan tahniah kepada pasukan Malaysia iaitu menerusi jawatankuasa Bencana Negara seperti APM dan NADMA, Imigresen dan Kementerian Kesihatan yang merupakan pasukan yang membanteras dan mengatasi isu ini dari terus menular.

27. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang proaktif bagi membendung dan mengatasi jangkitan ini seperti menggantung sementara semua kemudahan imigresen kepada rakyat negara China dari bandar Wuhan dan wilayah Hubei di kelilingnya serta melakukan saringan kesihatan yang lebih ketat di pintu masuk antarabangsa.

28. Dalam situasi sebegini, suka untuk saya mengingatkan kepada semua supaya tidak menyebarkan berita palsu berhubung wabak ini kerana ia tidak membawa keuntungan kepada mana-mana pihak malahan ia akan menimbulkan keadaan panik kepada masyarakat. Semak dan sahkan terlebih dahulu apa-apa maklumat dengan Kementerian/ Jabatan/Agensi yang berkaitan sebelum sesuatu maklumat disebar. Jadilah pengguna media sosial yang bijak dan matang.

29. Sebagai langkah melindungi diri sendiri dan orang lain daripada Novel Coronavirus (2019-nCoV), Kementerian Kesihatan Malaysia telah memberikan syor-syor berikut:
 - (a) Selalu mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*);

- (b) Semasa dalam tempoh lawatan ke tempat-tempat yang berlaku wabak ini (jika perjalanan tidak dapat dielakkan):
 - (i) Sentiasa membawa bersama penutup mulut dan hidung (*mask*) serta bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*);
 - (ii) Elakkan dari mengunjungi tempat tumpuan ramai dan bergaul rapat dengan mana-mana individu yang bergejala;
 - (iii) Elakkan dari melawat ke ladang haiwan, pasar yang menjual haiwan hidup, tempat sembelihan haiwan atau menyentuh sebarang jenis haiwan;
 - (iv) Elakkan dari memakan sebarang produk haiwan yang mentah/ tidak dimasak dengan sempurna.
 - (c) Segera mendapatkan rawatan perubatan sekiranya jatuh sakit (iaitu mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan seperti demam, batuk mahupun kesukaran untuk bernafas) dalam tempoh 14 hari selepas pulang dari lawatan tersebut. Begitu juga, maklumkan mengenai sejarah perjalanan berkenaan kepada doktor yang merawat.
30. Bagi sesiapa yang gemar membeli belah di atas talian pula, sebagai langkah pencegahan, anda boleh menggunakan tisu yang telah dibasahkan dengan losen (*hand sanitizer*) atau sabun dan lap barangan yang baru sampai dari negara China dengan tisu yang dibasahkan tadi. Dengan cara ini anda telahpun '*sanitize*' barangan tersebut.

Hadirin dan hadirat sekalian,

PENUTUP

31. Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada CGSO selaku penganjur Perhimpunan Bulanan pada kali ini. Sekali lagi saya berharap agar kita bersama-sama berganding bahu dan bekerjasama dalam menjadikan Jabatan kita ini sebagai Jabatan yang terbaik. InsyaAllah.

Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.